



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### TEKUN SALUR RM52 JUTA KEPADA 2,400 USAHAWAN JOHOR, KETIGA TERTINGGI DI MALAYSIA

**JOHOR BAHRU, 26 Jun** - Usahawan Johor terus mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan apabila Johor kini merupakan negeri ketiga tertinggi yang menerima penyaluran pembiayaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional di seluruh negara.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong semasa menghadiri sesi Majlis Ramah Mesra bersama kira-kira 400 usahawan TEKUN Johor baru-baru ini.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Mei 2026, TEKUN Nasional, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM52 juta kepada 2,400 usahawan di Johor.

Daripada keseluruhan penerima pembiayaan tersebut, seramai 64 peratus merupakan usahawan wanita. Pencapaian ini menunjukkan kaum wanita Johor memainkan peranan yang amat penting dalam aktiviti keusahawanan dan menjadi antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara.

Penerima pembiayaan TEKUN di Johor kebanyakannya terlibat dalam sektor perkhidmatan dengan seramai 1,183 usahawan, diikuti sektor peruncitan (669), pembuatan (260), kontraktor kecil (234) serta pertanian dan perusahaan asas tani (54).

YB Steven Sim berkata majoriti usahawan TEKUN terdiri daripada usahawan mikro dan komuniti yang merupakan antara tulang belakang ekonomi rakyat. Ini sejajar dengan landskap perusahaan negara, di mana hampir 80 peratus daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia terdiri daripada perusahaan mikro.

Beliau merakamkan penghargaan kepada para usahawan TEKUN atas dedikasi mereka dalam membangunkan perniagaan serta meningkatkan kesejahteraan keluarga masing-masing, di samping menyumbang sebagai antara penggerak ekonomi rakyat dan negara.

Menurut YB Steven Sim, pembiayaan TEKUN bukan sekadar menyediakan modal perniagaan, malah turut membuka ruang kepada peningkatan teknologi, keupayaan perniagaan dan produktiviti usahawan.

Dalam majlis tersebut, beliau juga menekankan bahawa KUSKOP menyediakan ekosistem keusahawanan yang menyeluruh, merangkumi pembiayaan mikro melalui TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), pembiayaan pertumbuhan menerusi SME Corp Malaysia, SME Bank dan Bank Rakyat, sehinggalah kepada latihan dan pembangunan kapasiti melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) serta pelbagai agensi lain di bawah kementerian.

Dengan pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), penambahbaikan infrastruktur serta kemasukan pelaburan baharu ke negeri itu, Johor dilihat berada pada kedudukan yang strategik untuk muncul sebagai hab pertumbuhan baharu negara. Perkembangan ini dijangka membuka lebih banyak peluang kepada syarikat tempatan untuk berkembang menjadi perniagaan yang lebih besar, produktif dan berdaya saing di peringkat nasional serta antarabangsa.

**26 JUN 2026**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

